

Kemahiran tak seimbang gugat pendigitalan ekonomi negara

- Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) baru-baru ini melaporkan dalam dua dekad akan datang, automasi akan menggantikan hampir 54 peratus pekerjaan di Malaysia, terutama dalam bidang yang memerlukan kemahiran rendah

- Laporan SKMM menunjukkan hampir 80 peratus pekerja dalam industri teknologi memerlukan latihan semula atau peningkatan kemahiran untuk memenuhi tuntutan pekerjaan digital semakin kompleks



Pensyarah Kanan,
Pusat Pengajian
Kerajaan, Universiti
Utara Malaysia

Dr. Muhammad Hafiz Abd Razak
bhrencana@bh.com.my

Pendigitalan ekonomi adalah antara konsep membangunkan ekonomi sesebuah negara menerusi pendekatan memanfaatkan maksimum mungkin teknologi digital yang semakin mendapat perhatian global, termasuk di Malaysia.

Seiring dengan kemajuan teknologi yang pesat, landskap pekerjaan juga mengalami perubahan besar. Bagaimanapun, persoalan utama yang timbul ialah, adakah pendigitalan ini menawarkan lebih banyak peluang atau menambahkan halangan kepada pekerja.

Pendigitalan ekonomi diakui berjaya membuka banyak peluang pekerjaan baharu. Industri teknologi maklumat (IT), fintech dan e-dagang berkembang pesat, mewujudkan ribuan pekerjaan baharu.

Platform e-dagang seperti Shopee dan Lazada membantu mengembangkan perniagaan dalam talian sambil menyediakan pelbagai fungsi, termasuk pengurusan data dan pemasaran digital. Selain itu, penggunaan teknologi seperti data besar dan kecerdasan buatan (AI) semakin meningkat, memerlukan kemahiran baharu yang tidak wujud beberapa dekad lalu.

Ini menunjukkan walaupun pendigitalan mungkin menghapuskan beberapa pekerjaan, ia juga membawa kepada lebih banyak peluang pekerjaan dan peningkatan pendapatan. Peranan baharu seperti jurutera AI, pereka aplikasi mudah alih atau pakar analisis data memerlukan kemahiran khusus dan pendidikan tinggi, biasanya menawarkan pulangan lebih tinggi berbanding pekerjaan konvensional.

Sebagai contoh, laporan Bank Dunia pada 2021 menunjukkan industri digital Malaysia menyumbang 22.6 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Ini menunjukkan pendigitalan bukan sahaja meningkatkan peluang pekerjaan tetapi juga mempunyai kesan ketara terhadap ekonomi keseluruhan.

Pendigitalan meningkatkan inovasi dan produktiviti serta mencipta pekerjaan baharu. Dengan mengubah suai teknologi digital, syarikat boleh menjalankan operasi mereka dengan lebih cekap, menjimatkan lebih banyak wang dan meningkatkan output mereka.

Pengeluaran lebih pantas dan berkualiti boleh dicapai melalui penggunaan teknologi automasi dalam sektor perkilangan. Ini bukan sahaja meningkatkan keuntungan, syarikat tetapi juga meningkatkan persekitaran kerja pekerja.

Walaupun pendigitalan menawarkan banyak peluang baharu, ia juga tidak dapat dielakkan membawa bersama kesan negatif. Banyak pekerjaan konvensional kini dilakukan automasi dan AI. Kini mesin boleh melakukan tugas dahulunya memerlukan tenaga manusia dengan lebih cekap dan berterusan.

Ini terutama berlaku dalam bidang seperti perkilangan, logistik dan perkhidmatan pelanggan, yang mana robot dan perisian pintar semakin meningkat mengambil alih tugas manusia. Kebimbangan di Malaysia ialah sektor perkilangan dan

perbankan akan terjejas teruk dan teknologi akan menggantikan ribuan pekerjaan manusia.

Laporan daripada Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) baru-baru ini turut menunjukkan dalam dua dekad akan datang, automasi akan menggantikan hampir 54 peratus pekerjaan di Malaysia, terutama dalam bidang yang memerlukan kemahiran rendah.

Ketidakseimbangan kemahiran

Ketidakseimbangan kemahiran adalah salah satu isu terbesar dihadapi pekerja dalam era pendigitalan. Pekerja kurang berkemahiran berdepan risiko kehilangan kerja kerana jurang antara pekerja berkemahiran tinggi dan rendah semakin meningkat.

Kerajaan Malaysia pada hakikatnya amat menyedari isu ini dan berusaha membantu pekerja menyesuaikan diri dengan era digital melalui pelbagai program latihan dan peningkatan kemahiran.

Bagaimanapun, menghadapi cabaran ini memerlukan usaha berterusan dan sokongan daripada semua pihak. Laporan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) menunjukkan hampir 80 peratus pekerja dalam industri teknologi memerlukan latihan semula atau peningkatan kemahiran untuk memenuhi tuntutan pekerjaan digital semakin kompleks.

Bagi memastikan seseorang pekerja itu kekal relevan dalam pasaran kerja yang sentiasa berubah, pendidikan sepanjang hayat dan latihan berterusan adalah penting bagi mereka. Dalam hal ini, majikan perlu memainkan peranan dengan menyediakan pekerja peluang latihan dan pembangunan.

Ia satu pelaburan yang bukan sahaja berupaya membantu majikan berdaya saing dengan cabaran bentuk baharu ekonomi digital tetapi nilai tambah kepada pekerja serta cagaran untuk meneroka peluang baharu pekerjaan jika kehilangan kerja.

Selain itu, majikan mesti bersedia mengubah strategi perniagaan mereka untuk memenuhi tuntutan zaman moden. Sebagai contoh, beberapa perniagaan di Malaysia mula menganjurkan program latihan untuk membantu kakitangan mempelajari teknologi baharu dan menyesuaikan diri dengan perubahan dalam industri.

Dalam ekonomi digital, masa depan pekerjaan tidak menentu memang tidak dapat dielakkan. Menurut ramalan, dalam beberapa dekad akan datang, majoriti pekerjaan akan memerlukan penggunaan teknologi digital. Oleh itu, majikan dan pekerja mesti bersedia menghadapi perubahan ini.

Bagi memastikan pekerja Malaysia bersedia untuk menghadapi cabaran pada masa depan, kerjasama antara institusi pendidikan, sektor swasta dan kerajaan amat diperlukan. Jika kena pada kaedah dan strategi, pendigitalan ekonomi boleh menjadi manfaat, bukan ancaman.

Pendigitalan ekonomi membawa kedua-dua prospek positif dan negatif untuk pekerja. Walaupun ia meningkatkan produktiviti dan mencipta pekerjaan baharu, ia juga menimbulkan risiko kehilangan pekerjaan serta ketidakseimbangan kemahiran.

Oleh itu, penting bagi semua pihak termasuk kerajaan, majikan dan pekerja bekerjasama bagi menghadapi transformasi ini. Pendigitalan ekonomi boleh menjadi peluang keemasan untuk Malaysia mencapai kemajuan lebih besar pada masa hadapan jika semua pemegang taruh bekerjasama dan bijak menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu dunia digital.

